

# HARI DWIBAHASA ANTARABANGSA (INTERNATIONAL BILINGUAL DAY)

**NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI, PM DR SOO KUM YOKE,  
SUTINA JUNOS & AFIZAN AMER**

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN & AKADEMI PENGAJIAN BAHASA,  
UiTM KAMPUS REMBAU

Universiti Teknologi MARA telah menyasarkan untuk menjadi sebuah universiti terkenal di seluruh dunia (Globally Renowned University) menjelang tahun 2025, aspirasi ini ditumpukan melalui tiga (3) teras strategik yang dikaitkan dengan Tema Strategik (ST) yang ditetapkan dengan sewajarnya bagi memacu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Didorong dengan Nilai.

Menyedari usaha di atas, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dan Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau telah bekerjasama dengan Lembaga Pengembangan Bahasa, Universiti Hasyim Asy'ari, Tebuireng, Jombang Indonesia dan telah menganjurkan satu pertandingan yang melibatkan pembangunan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab pada tahun 2022.



Usaha ini dilihat sebagai salah satu cara untuk menyokong usaha Universiti Teknologi MARA melakar pelan strategik lima tahun, UiTM2025, yang ditujukan untuk mengubah landskap universiti menjadi sebuah Universiti terkenal di seluruh dunia. UiTM2025 merupakan dokumen rangka kerja selama lima tahun bermula dari tahun 2020 hingga tahun 2025. Dokumen ini juga telah menjadi rujukan dalam menggariskan agenda transformasi universiti untuk memacu UiTM menjadi sebuah universiti yang terkenal di arena global yang berteraskan sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan menjelang tahun 2025.

Pertandingan sempena Hari Dwibahasa Antarabangsa telah melibatkan pertandingan bagi dua bahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Di samping itu, pertandingan ini telah dibuka kepada pelajar sekolah menengah di Malaysia dan Indonesia. Terdapat empat (4) acara yang telah dipertandingkan, iaitu Kuiz secara Langsung dalam Talian Bahasa Inggeris, Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris, Kuiz secara Langsung dalam Talian Arab, Pertandingan Pidato Bahasa Arab.



Program ini juga dilihat sebagai satu inisiatif tanggungjawab social (Corporate Social Responsibility-CSR) universiti dengan membawa sekolah-sekolah di Malaysia ke pertandingan di peringkat antarabangsa. Usaha ini juga turut menyediakan satu platform pertandingan peringkat antarabangsa yang membuka peluang kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia. Pelajar-pelajar ini juga telah menunjukkan prestasi yang sangat baik dengan mencatat markah tertinggi dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan & Kokurikulum (PAJSK) Kementerian Pendidikan Malaysia yang kini amat penting dalam pembelajaran dan pengajaran di peringkat sekolah.

Kebelakangan ini, telah menjadi lumrah bagi sesebuah organisasi untuk mengembangkan usaha yang memberi fokus kepada CSR yang juga merupakan salah satu fungsi utama sebuah organisasi. Aktiviti CSR ini juga dilihat selari dengan usaha dan strategi UiTM dalam melakar pelan strategik bagi tempoh lima tahun, UiTM2025.



Melalui pertandingan ini, dua wakil dari Malaysia iaitu saudari Aleya Maisara bt Mohd Ghazali dan saudari Aina Maisarah bt Azman dari Sekolah SMK Dato' Haji Mohd Redza telah berjaya mendapat tempat pertama dalam kategori syaranan Bahasa Inggeris dan tempat kedua dalam kategori kuiz atas talian Bahasa Inggeris.

Walaupun matlamat utama UiTM adalah untuk memberi tumpuan kepada peningkatan dan kualiti pendidikan di peringkat universiti, namun tidak dinafikan bahawa pendidikan di universiti bermula seawal dari pendidikan di sekolah. Pelajar-pelajar di peringkat sekolah merupakan sumber rujukan dan penanda aras bagi pengupayaan kualiti para pelajar di peringkat pendidikan tinggi. Oleh itu, proses pembangunan sahsiah diri dan bakat perlu diberi penekanan sejak dari bangku sekolah. Terdapat banyak bukti yang menunjukkan kualiti bagi seorang pelajar yang berbakat di peringkat sekolah merupakan persediaan yang penting dalam melahirkan para mahasiswa yang berketerampilan di peringkat seterusnya. Oleh itu, adalah penting bagi UiTM untuk kekal sebagai sebuah institusi pendidikan yang menyediakan platform pendidikan terbaik untuk pelajar-pelajar. Komitmen dan tanggungjawab sosial korporat UiTM kepada masyarakat membawa kesan positif kepada kualiti perkembangan bakat para graduan di UiTM. Ini dapat dilihat melalui pencapaian para graduan UiTM yang tidak hanya terhad di dalam negara malah mereka juga menunjukkan pencapaian cemerlang di peringkat antarabangsa.

Program ini telah dirasmikan pada 13 Ogos 2022 yang lalu oleh Rektor UiTM Negeri Sembilan, Prof Dr Yamin Yasin, dan juga Penolong Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau serta Rektor Universiti Hasyim Asy'ari, Tebuireng, Jombang, Surabaya, Indonesia, Prof Dr H. Haris Supratno. Program ini juga telah mendapat liputan media dalam talian di Kota Surabaya, Indonesia. Rakaman program ini boleh diikuti di link tersebut: (<https://tebuireng.online/deretan-juara-3-besar-international-bilingual-day-ke-7-lb-unhasy/>),(<https://tebuireng.online/gelar-bilingual-day-ke-7-lembaga-bahasa-unhasy-go-internasional/amp/>) .

Program ini juga telah mendukung aspirasi UiTM untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang berprestasi tinggi. Program seperti ini diharap dapat menyediakan serta melengkapkan ekosistem yang konstruktif kepada pelajar dan pensyarah sebagai satu usaha untuk meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa. Selain itu, program sekecil ini juga mampu mendorong nilai murni dalam menyokong UiTM untuk menjadi pemacu ke arah menjadi universiti terkemuka di dunia.